KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

ISU TULAR PENGGUNAAN BENZOIL PEROKSIDA DALAM TEPUNG GANDUM

27 APRIL 2024

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum isu yang ditularkan semula di media sosial berkaitan penggunaan benzoil peroksida dalam tepung gandum yang didakwa boleh menjejaskan kesihatan. KKM juga telah menjelaskan perkara ini dalam dua (2) kenyataan media yang dikeluarkan sebelum ini pada tahun 2012 dan 2017 bagi mengelakkan kekeliruan awam.

Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 **membenarkan penggunaan benzoil peroksida sebagai kondisioner makanan di bawah aditif makanan dalam tepung pada kadar tidak melebihi 50mg/kg**. *Codex Alimentarius Commission* (CAC), iaitu badan antarabangsa yang ditubuhkan di bawah *Joint FAO/WHO Food Standards Programme* pula telah membenarkan **penggunaan benzoil peroksida dalam tepung gandum pada kadar tidak melebihi 60mg/kg.** Dalam hal ini, penggunaan benzoil peroksida telah dinilai dan disahkan selamat untuk digunakan dalam makanan dalam jumlah tertentu di Malaysia dan luar negara oleh badan penilai antarabangsa iaitu *Joint FAO/WHO Expert Comittee on Food Additives* (JECFA).

KKM akan sentiasa bersedia dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat bukti-bukti saintifik terkini dari badan-badan antarabangsa seperi Codex dan JECFA yang membuktikan mana-mana bahan makanan adalah berbahaya kepada kesihatan. KKM juga sentiasa melaksanakan pemantauan ke atas pelbagai jenama tepung di pasaran bagi memastikan ia mengandungi benzoil peroksida dalam kadar yang dibenarkan. Setakat ini, tiada mana-mana jenama tepung di pasaran yang mengandungi benzoil peroksida melebihi paras yang dibenarkan di bawah undang-undang.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang serta Facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) seperti berikut:

- http://moh.spab.gov.my
- https://www.facebook.com/bkkmhq

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
27 APRIL 2024